

# Health360

Lindungi Kesihatan,  
Kuasai Masa Depan



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”) UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA HAD PERLINDUNGAN. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).


Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Ahli PIDM

Kesihatan anda adalah aset paling berharga, dan anda sewajarnya mendapat penjagaan yang terbaik. Jangan jadikan kebimbangan kewangan halangan untuk anda menjalani kehidupan yang terbaik - kami di sini akan menyokong anda dalam menempuh setiap langkah perjalanan kesihatan anda.

Rajah di bawah memaparkan anggaran kos rawatan penyakit yang paling biasa di Malaysia di hospital swasta. Dengan kos rawatan perubatan yang semakin meningkat, adalah lebih penting untuk mendapatkan perlindungan perubatan yang tinggi dan menyeluruh bagi memastikan anda dan orang tersayang mendapatkan akses penjagaan berkualiti apabila diperlukan, dengan ketenangan fikiran.

Pada masa yang sama, memilih **pilihan bayaran bersama** yang sesuai dengan kemampuan kewangan dan keperluan perlindungan anda adalah sama penting, memberikan anda fleksibiliti untuk menyesuaikan perlindungan penjagaan kesihatan anda dengan cara yang sesuai untuk gaya hidup anda dan kesejahteraan masa panjang keluarga anda.



*Nota:*

Rajah di atas adalah berdasarkan maklumat daripada sumber yang diterbitkan pada tahun 2023. Angka-angka ini tertakluk kepada perubahan pada masa hadapan.

*Sumber:*

1. Malaysia: cost of private medical treatments 2023 | Statista
2. <https://www.imoney.my/articles/is-your-medical-insurance-plan-sufficient-for-the-big-c>
3. MalayMedical.com

**Walaupun kita mungkin menghadapi cabaran kesihatan dalam kehidupan, PruBSN sentiasa di sisi untuk memberikan jaminan dan sokongan di saat anda memerlukan. Memberi anda ketenangan fikiran yang tidak ternilai.**

# Memperkenalkan Health360

Lindungi kesihatan, Kuasai masa depan.

Dapatkan **perlindungan perubatan komprehensif** TANPA Had Tahunan dan TANPA Had Seumur Hidup yang merangkumi pesakit dalam, pesakit luar, pembedahan, penjagaan kecemasan dan banyak lagi — direka untuk melindungi kesejahteraan anda dalam setiap situasi.

Sesuaikan pelan anda dengan **pilihan fleksibel** yang memenuhi keperluan dan bajet anda, termasuk bilik & penginapan yang boleh disesuaikan, had Smart Value Point dan pilihan bayaran bersama (Deduktibel, Co-takaful, Auto-switch dan High Deductible) - kerana kesihatan anda sewajarnya mendapat yang terbaik, mengikut kehendak anda.

## Perlindungan kesihatan 360° untuk anda



### Perlindungan Perubatan yang Lebih Tinggi

Pilih Smart Value Point anda sebanyak RM1 juta, RM2 juta atau RM 5 juta mengikut keperluan anda.

### Dapatkan Ganjaran Apabila Kekal Sihat

Nikmati lebih banyak Smart Value Point pada penghujung setiap 2 tahun apabila anda kekal bebas-tuntutan.



### Penjagaan Pesakit Luar Diperluaskan

Penjagaan dan rawatan pesakit luar yang lebih menyeluruh, termasuk:

- Prosedur Pembedahan Harian dan Jagaan harian
- Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan
- Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit
- Rawatan Pesakit Luar bagi Penyakit Utama Kanak-kanak
- Elaun Pesakit Luar untuk Ibu Bapa<sup>i</sup> apabila anak anda mendapatkan rawatan pesakit luar yang berkaitan

### Merangkumi Penjagaan Kesihatan Mental

Ambil tahu tentang kesejahteraan mental anda dan dapatkan Rawatan Penjagaan Mental<sup>ii</sup> yang sesuai untuk kesejahteraan anda keseluruhannya.



### Perlindungan Meluas untuk Rawatan Kanser dan Buah Pinggang

- Rawatan Kanser Pesakit Luar, termasuk Penjagaan Susulan Remisi Kanser
- Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar termasuk, Hemodialisis dan Dialisis Peritoneal<sup>iii</sup>

### Lindungi Usia Emas anda

Lindungi tahun persaraan<sup>iv</sup> anda dengan pilihan Health Retirement yang secara automatik menukar bayaran bersama High Deductible kepada Deduktibel RM1,000, tanpa pengunderitan perubatan baharu.

<sup>i</sup> Manfaat Elaun Pesakit Luar untuk Ibu Bapa boleh dibayar jika tuntutan diluluskan dan dibayar di bawah Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit, atau Rawatan Penyakit Pesakit Luar bagi Penyakit Utama Kanak-Kanak.

<sup>ii</sup> Terpakai untuk bilik & penginapan R&B 300 dan ke atas sahaja.

<sup>iii</sup> Dialisis Peritoneal hanya meliputi Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan Manual (CAPD).

<sup>iv</sup> Tahun persaraan merujuk kepada apabila orang yang dilindungi mencapai umur 55 tahun pada hari lahir yang akan datang.

# Perlindungan anda, cara anda

Bagaimanakah anda ingin menyesuaikan pelan **Health360** anda?



## Langkah 1

Apakah jenis bilik hospital yang anda inginkan?

Untuk Bilik Single

Untuk Bilik Deluxe / Eksekutif

Untuk Suite

## Pilihan Bilik & Penginapan (R&B)

RM200

RM300

RM400

RM500

RM1,000

*Anda boleh memilih:*

## Langkah 2

Apakah had Smart Value Point yang anda perlukan?

Untuk perlindungan yang mencukupi

Untuk perlindungan yang lebih tinggi

Untuk perlindungan jangka panjang maksimum

*Anda boleh memilih:*

## Pilihan Smart Value Point (SVP)

RM1 juta

RM2 juta

RM5 juta

## Langkah 3

Apakah jenis bayaran bersama yang anda pilih?

Adakah Health360 akan menjadi pelan perubatan utama anda?

*Anda boleh memilih:*

Mencari pelan perubatan sekunder? (cth. sebagai tambahan bagi manfaat pekerja)  
*Anda boleh memilih:*

## Pilihan Bayaran bersama

Deduktibel

Co-takaful

Auto-switch

High Deductible

RM500

RM1,000

RM3,000

10%  
Co-takaful

1 - 5 tahun:  
10%  
Co-takaful  
≥ 6 tahun:  
Deductibel  
RM1,000

RM10,000

RM50,000

*Nota: 10% Co-Takaful dengan minimum RM1,000 dan maksimum RM5,000.*

# Jadual Manfaat

MANFAAT	JUMLAH MANFAAT
<b>Smart Value Point (SVP)</b>	Pilihan fleksibel: <b>RM1 juta</b> atau <b>RM2 juta</b> atau <b>RM5 juta</b>
<b>Bonus Smart Value Point (SVP Bonus)</b>	<i>Terpakai untuk R&amp;B 300 dan ke atas sahaja:</i> SVP awal akan meningkat sebanyak 2% pada akhir setiap 2 tahun
MANFAAT BILIK & PENGINAPAN	
a. <b>Bilik &amp; Penginapan Hospital Harian (R&amp;B)</b> (maksimum 150 hari setiap tahun rider)	Pilihan fleksibel antara <b>RM200, RM300, RM400, RM500</b> dan <b>RM1,000</b> sehari
MANFAAT HOSPITAL & PEMBEDAHAN	
b. <b>Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Rawatan Jantung (CCU)</b> (maksimum 150 hari setiap tahun rider)	<b>Seperti yang Dicaj</b>
c. <b>Perkhidmatan Dalam Hospital &amp; Yang Berkaitan,</b> termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>Rawatan dan Prosedur Pembedahan</li> <li>Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital</li> <li>Penjagaan Penjaga Harian</li> <li>Bayaran Ambulans</li> </ul>	<b>Seperti yang Dicaj</b>
d. <b>Rawatan Sebelum Kemasukan ke Hospital</b> (dalam tempoh 120 hari sebelum dimasukkan ke hospital)	<b>Seperti yang Dicaj</b>
e. <b>Rawatan Selepas Keluar dari Hospital</b> (dalam tempoh 120 hari sejurus selepas keluar hospital)	<b>Seperti yang Dicaj</b>
f. <b>Pemindahan Organ Utama</b> (sekali seumur hidup)	<b>Seperti yang Dicaj</b>
MANFAAT RAWATAN PESAKIT LUAR	
g. <b>Rawatan Kanser Pesakit Luar</b> , termasuk: Penjagaan Susulan Remisi Kanser	<b>Seperti yang Dicaj</b>
h. <b>Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar</b> , termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>Hemodialisis</li> <li>Dialisis Peritoneal</li> </ul>	Sehingga 1.5 kali ganda Smart Value Point seumur hidup

MANFAAT	JUMLAH MANFAAT
<b>MANFAAT RAWATAN PESAKIT LUAR</b>	
i. <b>Pendapat Perubatan Kedua (SMO)</b>	Konsultasi dengan Pakar Bertaraf Dunia: <b>Ya</b>
j. <b>Rawatan Penjagaan Mental</b> Bayaran balik untuk Kos Rawatan Psikiatri Kemasukan ke Hospital dan Pesakit Luar untuk Gangguan Mental yang dilindungi	Konsultasi dan Diagnosis dalam Malaysia: <b>RM1,000 setahun</b>
k. <b>Penjagaan oleh Jururawat di Rumah</b> (maksimum 180 hari seumur hidup)	<i>Terpakai untuk R&amp;B 300 dan ke atas sahaja:</i> <b>Seperti yang Dicaj</b> Sehingga RM5,000 bagi setiap tahun rider
l. <b>Kanta Intraokular</b> , termasuk: • Kanta Multifocal	<b>Sehingga RM8,000 Seumur hidup</b>
m. <b>Pembedahan Harian / Prosedur Jagaan Harian</b>	<b>Seperti yang Dicaj</b>
n. <b>Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi &amp; Penyakit Berjangkit</b> • Demam Denggi • Influenza • Campak • Demam Chikungunya • Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut	<b>Seperti yang Dicaj</b>
o. <b>Rawatan Pesakit Luar bagi Penyakit Utama Kanak-kanak</b> • Radang Paru-paru • Bronkiolitis • Bronkitis • Bronkopneumonia • Gastroenteritis Akut <i>Terpakai untuk Orang yang Dilindungi berumur di bawah 19 tahun sahaja.</i>	<b>Sehingga RM2,000 setiap hilang upaya</b> (maksimum 3 hilang upaya setiap tahun rider)
p. <b>Elaun Pesakit Luar bagi Ibu Bapa</b> <i>Terpakai untuk Orang yang Dilindungi berumur di bawah 19 tahun sahaja</i>	<b>RM50 sehari</b> (maksimum 3 hari bagi setiap hilang upaya, tertakluk kepada perbelanjaan layak yang perlu dibayar di bawah manfaat (n) atau (o))
<b>MANFAAT LAIN</b>	
q. <b>Elaun Tunai Harian untuk Hospital Kerajaan Malaysia</b>	<b>RM100 sehari</b>
r. <b>Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan</b>	<b>Sehingga 10 kali ganda had Bilik &amp; Penginapan Hospital Harian</b> bagi setiap tahun rider
s. <b>Bantuan Perubatan Kecemasan Seluruh Dunia (WWEMA)</b>	<b>Ya</b>
<b>Health Retirement</b> (Pilihan)	<i>Hanya tersedia untuk High Deductible: Pilihan bayaran bersama akan ditukar secara automatik daripada High Deductible ke Deduktibel RM1,000 pada ulang tahun rider apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 55 tahun pada hari lahir berikutnya.</i>

*Nota:*

1. Jumlah Manfaat yang dinyatakan di atas mungkin tertakluk kepada bayaran bersama.
2. Jika jumlah tuntutan layak terkumpul yang dibayar melebihi Smart Value Point awal ditambah dengan sebarang Bonus Smart Value Point terkumpul, PruBSN akan membayar 80% daripada lebihan kos manfaat yang layak.
3. Pendapat Perubatan Kedua (Konsultasi dengan Pakar Bertaraf Dunia), Bantuan Perubatan Kecemasan, Elaun Tunai Harian untuk Hospital Kerajaan Malaysia dan Elaun Pesakit Luar bagi Ibu Bapa tidak tertakluk kepada Smart Value Point.
4. Smart Value Point meningkat pada 2% daripada Smart Value Point permulaan pada penghujung setiap 2 tahun rider, dengan syarat:
  - tiada tuntutan dibuat dalam tempoh 2 tahun rider sebelumnya; dan
  - sijil kekal berkuat kuasa selama 2 tahun rider sebelumnya.
 Apabila jumlah tuntutan yang dibayar melebihi jumlah Smart Value Point ditambah dengan sebarang Bonus Smart Value Point terkumpul, tiada Bonus Smart Value Point selanjutnya akan diberikan walaupun tiada tuntutan seterusnya.
5. Dialisis Peritoneal hanya meliputi Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan Manual (CAPD).
6. Manfaat Elaun Pesakit Luar bagi Ibu Bapa boleh dibayar jika tuntutan diluluskan dan dibayar di bawah Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit, atau Rawatan Pesakit Luar bagi Penyakit Utama Kanak-kanak untuk orang yang dilindungi di bawah umur 19 tahun pada hari lahir berikutnya.


# Memahami Smart Value Point

## Apakah itu Smart Value Point (SVP)?

Tuntutan ke atas manfaat yang layak akan dibayar sepenuhnya (tertakluk kepada bayaran bersama) sehingga SVP awal serta sebarang Bonus SVP terkumpul (jika ada). Jika jumlah tuntutan melebihi jumlah tersebut, kami masih akan menyediakan perlindungan berterusan sehingga umur tamat tempoh dengan membayar 80% dan anda hanya perlu menanggung 20% daripada jumlah kos manfaat yang layak.

## Bagaimana SVP berfungsi?

Seorang pelanggan telah menyertai dalam **Health360** dengan SVP RM1 juta dan mempunyai jumlah tuntutan yang layak sebanyak RM2 juta.



Nota:

*Ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan semua manfaat adalah tertakluk kepada tempoh menunggu dan pilihan bayaran bersama yang berkenaan. Sila rujuk Dokumen Sijil untuk terma dan syarat terperinci.*

<sup>1</sup>Jumlah Tuntutan merujuk kepada Jumlah Kos Manfaat yang Layak.

<sup>2</sup>Tertakluk kepada pilihan bayaran bersama yang dipilih.

<sup>3</sup>Jumlah ini dibayar sebagai tambahan ke atas pilihan bayaran bersama yang dipilih.

## Bonus Smart Value Point

Untuk pelan dengan Bilik & Penginapan Hospital Harian sebanyak RM300 dan ke atas, jika anda tidak membuat sebarang tuntutan, anda akan diberi ganjaran Bonus Smart Value Point dengan Smart Value Point (SVP) anda meningkat pada 2% daripada SVP awal pada akhir setiap 2 tahun rider.

Tiada lagi Bonus Smart Value Point akan diberikan apabila jumlah tuntutan yang dibayar melebihi Smart Value Point, ditambah sebarang Bonus Smart Value Point yang terkumpul.



# Memahami Bayaran Bersama

Bayaran bersama merujuk kepada jumlah yang perlu anda bayar setiap tahun rider untuk tuntutan manfaat yang layak sebelum **Health360** menampung baki manfaat yang layak. Kos manfaat layak yang terkumpul dalam tahun rider tidak akan dibawa ke tahun rider berikutnya.

## Jika anda memilih pilihan bayaran bersama Deduktibel, Co-Takaful 10% atau

**Auto-switch**, untuk rawatan yang diterima di bawah “Manfaat Bilik & Penginapan” dan “Manfaat Hospital dan Pembedahan”, anda tertakluk kepada jumlah pembayaran bersama yang dipilih bagi setiap tahun rider kecuali untuk keadaan berikut:

- a. Anda dikehendaki membayar Co-takaful 5% dengan maksimum RM500 setiap tahun rider, dan bukannya jumlah bayaran bersama yang dipilih, untuk manfaat berikut:

- Pendapat Perubatan Kedua (Konsultasi dan Diagnosis dalam Malaysia)
- Rawatan Penjagaan Mental
- Penjagaan oleh Jururawat di Rumah
- Kanta Intraokular
- Pembedahan Harian / Prosedur Jagaan Harian
- Rawatan Pesakit Luar bagi Denggi dan Penyakit Berjangkit
- Rawatan Pesakit Luar bagi Penyakit Utama Kanak-kanak

- b. Bayaran bersama akan dikecualikan untuk manfaat berikut:

- Rawatan Kanser Pesakit Luar
- Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- Rawatan Kecemasan termasuk Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan
- Rawatan yang diterima di kemudahan penjagaan kesihatan Kerajaan Malaysia.

*Nota: 20% daripada jumlah kos layak yang perlu anda bayar selepas melebihi had SVP juga akan dikecualikan untuk manfaat yang disenaraikan di bawah (b).*

**Jika anda memilih High Deductible**, anda harus terlebih dahulu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan jumlah deduktibel yang dipilih daripada jumlah manfaat layak terkumpul dalam satu tahun rider, sebelum PruBSN membayar perbelanjaan yang lain. Kos manfaat layak yang terkumpul untuk tahun rider itu tidak akan dibawa ke hadapan ke tahun rider berikutnya.

Jika anda telah mempunyai pelan perubatan dengan had tahunan bersamaan dengan (atau lebih tinggi daripada) jumlah deduktibel, perbelanjaan yang layak melebihi High Deductible yang dipilih akan dilindungi oleh **Health360**.

High Deductible terpakai kepada semua manfaat layak di bawah Jadual Manfaat termasuk Rawatan Kanser Pesakit Luar, Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Rawatan Kecemasan termasuk Rawatan Kecemasan Pesakit Luar untuk Kecederaan Akibat Kemalangan, dan sebarang rawatan yang diterima di kemudahan penjagaan kesihatan Kerajaan Malaysia. High Deductible tidak terpakai kepada Pendapat Perubatan Kedua (Konsultasi dengan Pakar Bertaraf Dunia) dan Bantuan Perubatan Kecemasan.



\*Jika anda tidak mempunyai pelan perubatan sedia ada, anda mesti terlebih dahulu membayar jumlah tetap yang bersamaan dengan jumlah deduktibel yang dipilih daripada jumlah keseluruhan manfaat yang layak terkumpul dalam tahun rider.

# SOALAN LAZIM (FAQ)

## 1. Siapakah yang boleh mengambil Health360?

Umur Kemasukan	13 minggu kehamilan sehingga 70 tahun.
Tempoh Manfaat	Pilih untuk dilindungi sehingga umur tamat tempoh 60, 70, 80, 90 atau 100, atau untuk tempoh 20 tahun. <i>Nota: Pilihan adalah berdasarkan umur kemasukan orang yang dilindungi dengan tempoh manfaat minimum tidak kurang dari 20 tahun. Tempoh Manfaat bagi rider haruslah sama dengan Tempoh Manfaat bagi pelan asas.</i>

## 2. Apakah tempoh menunggu yang perlu saya ketahui?

Keterangan	Tempoh Menunggu
Sebarang Penyakit selain daripada Penyakit Spesifik	30 hari
Penyakit Spesifik	120 hari
Rawatan Penjagaan Mental (jika berkenaan)	180 hari

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah produk ini.

## 3. Bagaimanakah untuk saya bermula dengan Health360?

LANGKAH 1	Tetapkan jumlah Bilik & Penginapan Hospital Harian anda RM200   RM300   RM400   RM500   RM1,000
LANGKAH 2	Tetapkan Smart Value Point anda RM1 million   RM2 million   RM5 million
LANGKAH 3	Tetapkan pilihan Bayaran Bersama anda Deduktibel (RM500 / RM1,000 / RM3,000)   10% Co-takaful   Auto-switch High Deductible (RM10,000 / RM50,000)

## 4. Apakah caj yang dikenakan apabila anda menyertakan Health360?

- Caj Wakalah pendahuluan hanya dikenakan kepada pelan asas.
- Untuk Caj Perkhidmatan Wakalah, akan dikenakan caj tambahan sebanyak RM8 sebulan apabila anda menyertakan Health360, tambahan daripada caj di bawah:

Kaedah	Kekerapan
Kaedah pembayaran berulang	RM10 sebulan
Kaedah pembayaran bukan berulang (iaitu Tunai/Cek)	RM13 sebulan

- Potongan Tabarru' berbeza mengikut umur, jantina, kelas pekerjaan, status kesihatan dan jenis perlindungan yang dipilih.

# NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Health360 ialah Rider Penolakan Unit dilampirkan kepada PruBSN Asas360. Risalah ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan risalah PruBSN Asas360. Untuk maklumat lanjut mengenai rider ini, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk.
2. Health360 ialah rider perubatan yang boleh diperbaharui tertakluk kepada semua sumbangan dibayar dengan sewajarnya dan rider berkuat kuasa, melainkan terdapat penipuan atau sebarang keadaan yang menjadikan sijil atau rider boleh dibatalkan atau terbatal dan tidak sah. Selepas penamatan Health360, tiada manfaat yang perlu dibayar daripada Dana *Tabarru'*. Sila rujuk klausa penamatan yang dinyatakan dalam Dokumen Sijil.
3. Potongan *Tabarru'* untuk pelan perubatan ini tidak dijamin. Ini bermakna, kami mungkin perlu meningkatkan potongan *Tabarru'* pada masa hadapan. Kadar tersebut secara langsung dipengaruhi oleh pengalaman tuntutan kami untuk pelan ini, termasuk inflasi perubatan yang mungkin disebabkan oleh kemajuan dalam teknologi perubatan, kos rawatan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kelaziman penyakit tidak berjangkit dari semasa ke semasa. Oleh itu, peningkatan yang kerap dalam potongan *Tabarru'* mungkin berlaku pada masa hadapan dan akan terpakai kepada semua orang yang dilindungi tanpa mengira sejarah tuntutan mereka. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis selama 30 hari sebelum kadar yang disemak semula berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil berikut.
4. Senarai hospital panel mungkin disemak semula. Sila rujuk [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my) untuk melihat senarai Hospital Panel dan anda dinasihatkan untuk merujuk senarai terkini sebelum mendapatkan rawatan.
5. Anda hanya boleh mendapatkan Pendapat Perubatan Kedua apabila anda disahkan menghidap salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi.
6. Takaful adalah komitmen jangka panjang dan ia mungkin tidak menguntungkan anda sekiranya anda membatalkan dan menyertai semula di masa hadapan yang akan tertakluk kepada pengunderaitan. Anda seharusnya berpuas hati dan memastikan bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
7. Sebarang rujukan umur hendaklah berdasarkan Umur Hari Lahir Akan Datang melainkan dinyatakan sebaliknya.
8. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara risalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, bagi tujuan tafsiran dan pembinaan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan berkuat kuasa terhadapnya.

# PENGECUALIAN

Health360 tidak melindungi tidak melindungi sebarang manfaat di bawah rider ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- i. Keadaan Sedia Ada jika penyakit tersebut tidak dinyatakan dalam borang cadangan atau apa jua borang lain yang berkaitan dengan keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi.
- ii. Penyakit Spesifik yang berlaku dalam tempoh 120 hari daripada tarikh berkuatkuasa rider. Walau bagaimanapun, jika terdapat pemberhentian dalam perlindungan sebelum tamat tempoh 120 hari tersebut, tempoh 120 hari yang baru akan bermula semula
- iii. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal dan tanda-tanda atau gejala-gejalanya yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama sama ada dari tarikh berkuatkuasa rider atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian, kecuali kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan.
- iv. Sebarang keadaan neonatal perubatan atau fizikal termasuk trauma kelahiran (kecederaan fizikal yang dialami oleh bayi semasa lahir) berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh berkuat kuasa rider, tarikh ia diaktifkan semula atau tarikh lahir orang yang dilindungi, yang mana terkemudian.
- v. Sebarang penyakit atau rawatan dan tanda atau gejala akibat gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan serangan cacing yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh berkuat kuasa rider atau tarikh ia diaktifkan semula, yang mana terkemudian.
- vi. Sebarang manfaat seperti yang diperuntukkan di bawah Manfaat Penjagaan Mental yang berlaku dalam tempoh 180 hari dari tarikh permulaan rider, tarikh pengesahan atau tarikh berkuat kuasa semula.
- vii. Pembedahan kosmetik atau plastik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhataran, pemeriksaan mata rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, kardioverter defibrillator automatik yang diimplan dan preskripsi yang berkaitan.
- viii. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan untuk memulihkan fungsi pada gigi asal yang sihat yang berlaku semasa sijil dan rider berkuatkuasa.
- ix. Rawatan bersifat eksperimen, termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan yang tidak konvensional, yang belum terbukti berkesan, berdasarkan amalan perubatan biasa, dan yang belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di Malaysia.
- x. Penjagaan peribadi (kecuali Manfaat Penjagaan oleh Jururawat di Rumah) rehat pulih atau penjagaan sanitasi.
- xi. Pengambilan dadah atau narkotik melainkan seperti yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan.
- xii. Pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator.
- xiii. Kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol.
- xiv. Penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV.
- xv. Sebarang rawatan atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- xvi. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan kehamilan atau kelahiran dan komplikasinya, kehamilan, kehamilan semasa dan terdahulu (dan komplikasi yang berkaitan), kelahiran anak (termasuk kelahiran pembedahan dan sebarang prosedur pembedahan atau bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita semasa kelahiran pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan (termasuk apa-apa pengguguran yang dilakukan atas sebab psikologi atau sosial, dan apa-apa kesan daripada mana-mana prosedur ini) dan penjagaan pranatal atau selepas bersalin dan pembedahan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan yang berkaitan dengan ketaksuburan serta disfungsi erektil, dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.

- xvii. Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, terapi sel stem, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan atau pembedahan bariatric.
- xviii. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- xix. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau apa-apa tindakan perang atau pencerobohan atau tindakan musuh asing permusuhan (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau pemberontakan atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan tentera.
- xx. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau mogok atau kekecohkan atau pemberontakan awam.
- xxi. Cubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan sebarang kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas.
- xxii. Sebarang pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan.
- xxiii. Memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- xxiv. Sebarang radiasi pengionan dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- xxv. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian badan atau organ oleh orang yang dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- xxvi. Pemeriksaan dan rawatan apnea tidur dan gangguan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan kiropraktik, akupunktur, acupressure, refleksologi, pemulihan tulang, terapi oksigen hiperbarik, rawatan pakar herba, urutan atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.
- xxvii. Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana insurans/takaful atau indemniti lain yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.
- xxviii. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya)
- xxix. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan perbelanjaan bukan perubatan yang lain.
- xxx. Mengambil bahagian dalam sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- xxxi. Penerbangan persendirian selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang berlesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan.
- xxxii. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina.
- xxxiii. Penjagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, konservasi keadaan orang yang dilindungi atau pemulihan keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi seperti sebelumnya.

# APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta  
Perkhidmatan  
Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "Jaminan Bersama" atau "menjamin antara satu sama lain".

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (Ta`awun) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**PERTOLONGAN BERSAMA**

**PERLINDUNGAN BERSAMA DARIPADA KERUGIAN**

**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "Ta`awun" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah *Tabarru`at* (Kebajikan).

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

PruBSN Health360 adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN and send to 33080



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

#### Penting:

Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.